

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>MGA champions gender equality in energy sector</u> The forum was officiated by the youngest Malaysian woman Minister Yeo Bee Yin, the Minister of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change.	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
2.	<u>7 people who stood up for our planet in 2018</u> Yeo Bee Yin came into office shortly before her 35th birthday as Malaysia's Minister of Energy, Science, Technology, Environment & Climate Change in May. As the country's youngest minister and one of only nine women in the cabinet, Yeo represents a new direction in the country's development. She has raised Malaysia's renewables targets and has set her sights on making Malaysia a leading regional player for solutions to climate change.	Eco-Business	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Malaysia has 51 polluted rivers</u> Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Deputy Minister, Isnaraissah Munirah Majilis, told Parliament today that the country has 51 ailing rivers, reported Bernama today.	Edge Prob	Klik pada tajuk berita
4.	<u>51 sungai tercemar di Malaysia</u> Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Isnaraissah Munirah Majilis mendedahkan, sebanyak 51 sungai dilaporkan tercemar di seluruh negara.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Inovator Berpusat dilancar</u> Program berkenaan akan dibangunkan bersama rakan-rakan industry seperti	Sinar Harian	Rujuk lampiran 1

	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIG), Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MiGHT), Institut Automotif Malaysia (MAI), Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) dan Persatuan Robotik & Automasi Malaysia (MyRAS).		
--	---	--	--

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
6.	<u>MICROSOFT MALAYSIA PARTNERS MIMOS TO ESTABLISH AI AND IOT SCHOOLS IN MALAYSIA</u> The partnership between Microsoft and Mimos signifies the establishment of the Microsoft Artificial Intelligence (AI) and Internet Of Things (IoT) Schools in Malaysia.	Digital News Asia	Klik pada tajuk berita
7.	<u>MIMOS and Microsoft Malaysia collaborate to provide IoT and AI to SMEs</u> MIMOS Bhd and Microsoft Malaysia are working together to provide an Internet of Things (IoT) platform and artificial intelligence (AI) to local companies especially small and medium enterprises (SMEs).	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
8.	<u>Misi ke Marikh</u> Bagi membantu sekolah angkatnya menjayakan projek untuk untuk kolokium di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), penerima Anugerah Guru Cemerlang Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (Stem), Norhailmi Abdul Mutalib berkunjung ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengkalan Chepa 1.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
9.	<u>MIMOS, Microsoft bangun makmal IoT untuk PKS</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita

	MIMOS Bhd dan Microsoft Malaysia bekerjasama untuk menyediakan platform Internet untuk Segalanya (IoT) dan kecerdasan buatan (AI) bagi kegunaan syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).		
10	<u>Perakaunan akruan tingkat pengurusan kewangan sektor awam</u> Mengulas lanjut, Ahmad Badri berkata akauntan kerajaan juga perlu mahir dengan teknologi terutamanya dalam automasi dan kecerdasan buatan (AI), blockchain, pengkomputeran awan dan keselamatan siber serta analisis data (ABCD), ketika negara beralih kepada ekonomi digital dan syarikat mula menerima pakai Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Govt concerned about readiness of SMEs to adopt Industry 4.0</u> The Government is concerned about the readiness of local industries, particularly Small and Medium Enterprises (SMEs), to adopt Industry 4.0. International Trade and Industry Minister Datuk Darell Leiking said the government had made a large allocation in the 2019 Budget to assess the readiness of SMEs to adopt automation and industry 4.0.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Sabah-based academy among 100 best SMEs</u> "Moving towards the 4th industrial revolution (IR 4.0), it is vital that today's generation embraced the inevitable change which requires one to have the required skills to remain employed.	Daily Express	Klik pada tajuk berita
13.	<u>MIMOS, Microsoft in pact to boost IoT, AI adoption</u> MIMOS Bhd and Microsoft Malaysia have signed a memorandum of understanding (MoU) to establish a joint lab to help boost adoption of the Internet of Things (IoT) and Artificial Intelligence (AI) in Malaysia.	Borneo Post	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Accountants must be adept to technologies</u>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita

	Government accountants should become adept at technologies, especially automation and artificial intelligence, blockchain, cloud and cybersecurity and data analytics (ABCD), as Malaysia moves into the digital economy and companies steered towards adopting the Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0).		
15.	<u>Sibu Division readies 52 flood evacuation centres — Resident</u> A total of 52 flood evacuation centres have been identified in Sibu division and these can be activated anytime when the need arises.	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
16.	<u>The future of mobility; not one solution, but many</u> Whether that is Malaysia's plans to increase the usage of public transportation in a bid to reduce carbon emissions by 45 per cent by 2030 or its ambition for every private vehicle registered to be an energy efficient vehicle, in the near future.	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
17.	<u>No compromise on abuse, pledges Junz</u> Junz said larvae of "Black Soldier Flies" would be used in Kundasang, Ranau to address excess bio-organic waste in which the larvae will decompose the waste and this green technology method could also produce organic fertilisers which can be used for crops as well as addressing disposal of the bio-organic waste.	Daily Express	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Akauntan perlu mahir teknologi</u> Akauntan kerajaan perlu mahir dengan teknologi terutamanya dalam automasi dan kecerdasan buatan (AI), blockchain, pengkomputeran awan dan keselamatan siber serta analisis data (ABCD), ketika Malaysia beralih kepada ekonomi digital dan syarikat mula menerima pakai Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).	Harian Metro	Rujuk lampiran 2
19.	<u>Readiness assessment criteria for industry 4.0 soon</u> The International Trade and Industry Ministry (Miti) will introduce by the first quarter of 2019	The Star	Rujuk lampiran 3

	the readiness assessment criteria for the migration of 500 small dan medium enterprise (SMEs) to industry 4.0 platform.		
20.	<u>Kilang perintis hidrogen Sarawak Energy siap 2019</u> Kilang perintis pengeluaran hydrogen dan stesen bahan bakar, Sarawak Energy Sdn Bhd, dijangka siap menjelang suku pertama tahun depan, serentak dengan ujian percubaan tiga bas dikuasakan bahan bakar hidrogen.	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
21.	<u>Pelajar cipta alat tabor baja guna barang terpakai</u> Menyedari kesukaran menabur baja pada lubang plastik batas tanaman, sembilan pelajar tahap tiga Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Institut Pertanian Titi Gantong (IPTG) di sini, mencipta inovasi alat tabur baja menggunakan barang terpakai.	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
22.	<u>Semua sampah pindah ke Ipoh</u> Semua pemilik kilang kitar semula sampah import yang masih lagi mempunyai sampah berkenaan dinasihatkan untuk merujuk Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi melupuskan sampah berkenaan secara sistematik.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 6
23.	<u>Kemudahan lupus sisa pepejal RM1b di Jeram</u> “Ia teknologi yang terbukti untuk menggantikan kaedah pelupusan sampah konvensional menggunakan tanah yang luas”.	Berita Harian	Rujuk lampiran 7

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
24.	<u>Chile drives electric vehicle rollout in Latin America</u> SANTIAGO: A massive cargo ship docked in the	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita

	Chilean port of San Antonio at the end of November, carrying in its belly the first 100 electric buses from China that Chileans hope will revolutionise their public transport system.		
25.	<u>Used plastic water bottles will get you a ride on this bus in Surabaya</u> Trading company employee Ari Fatah has no qualms about picking up plastic bottles from the streets of his Indonesian home town.	Star2.com	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 41
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Inovator Berpusat dilancar

**Babitkan bidang
Smart City,
Kecerdasan
Buatan dan
Robotik dan
Tenaga Lestari**

NUR SHARIEZA ISMAIL

CYBERJAYA Tech Hub Enabler, Cyberview Sdn Bhd melalui anak syarikatnya, Futurise Sdn Bhd, memperkenalkan program kerjasama untuk Inovator Berpusat yang disediakan kepada pencipta yang berminat pada tahun depan.

Penekanan program dengan agenda Ekonomi Masa Depan untuk negara ini diberikan kepada penerapan teknologi membabitkan tiga bidang utama iaitu Smart City, Kecerdasan Buatan (AI) & Robotik dan Tenaga Lestari & Boleh Diperbaharu; dengan Revolusi Perindustrian 4.0 dan pelan tindakan baru yang

dilancarkan Malaysia, Industri 4WRD.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif di Futurise Sdn Bhd, Mahadhir Aziz berkata, dalam pembangunan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) negara, Futurise di Cyberjaya bertujuan untuk menyokong inovasi korporat bagi meletakkan diri kita sebagai pusat sehati dalam pembangunan ekosistem inovasi futuristik.

"Kami bercita-cita untuk menyediakan platform inovasi kolaboratif kepada pemain industri untuk membantu menangani cabaran perniagaan baru dan memanfaatkan peluang-peluang baru yang boleh membentuk semula industri, mencipta semula model perniagaan semasa, dan memikirkan semula inovasi penyelesaian di negara ini melalui empat program utama kami iaitu Ideas, Nucleus, Labs and Ventures," katanya.

Menurut beliau, melalui program kerjasama, para inovator dapat bekerjasama den-



Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Futurise Sdn Bhd, Mahadhir Aziz (empat dari kiri) bersama barisan pemain industri yang akan bekerjasama dalam program Inovator Berpusat tahun depan.

gan ekosistem rakan kongsi industri dalam mempercepatkan pembangunan penyelesaian inovatif mereka, sama ada dalam pembangunan infrastruktur untuk pembangunan, prototaip atau pendanaan Harta Intelektual (IP) untuk teknologi baru.

Katanya, sebagai sebahagian

daripada ekosistem Cyberjaya, Futurise berfungsi sebagai pusat untuk inovasi kolaborasi, khususnya in-lubasi idea dan penyelesaian baru dari inovator dan pencipta dalam pembangunan ekosistem inovasi futuristik di Malaysia.

"Melalui Futurise dan

usaha kolaboratif, kami berharap dapat menyumbang kepada momentum positif ke arah agenda negara yang lebih luas untuk menggerakkan Malaysia ke tahap tinggi, pendapatan dan negara maju dalam membantu membentuk masa depan kita bersama," katanya.

Program berkenaan akan dibangunkan bersama rakan-rakan industri seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MiGHT), Institut Automotif Malaysia (MAI), Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) dan Persatuan Robotik & Automasi Malaysia (MyRAS).

Acara itu juga bakal menyaksikan demonstrasi yang sangat inovatif dan pameran AI/Robotics, teknologi Drone, teknologi Realiti Campuran antara lain dari rakan teknologi seperti Microsoft dan TrifoldX Sdn Bhd, eMooVIT Technology Sdn Bhd, Polardrone Solutions Sdn Bhd, Robopreneur Sdn Bhd, Alpha Catalyst Consulting dan RS & GIS Consultancy Sdn Bhd.



LAMPIRAN 2
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 29
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Akauntan perlu mahir teknologi

Akauntan kerajaan perlu mahir dengan teknologi terutamanya dalam automasi dan kecerdasan buatan (AI), blockchain, pengkomputeran awan dan keselamatan siber serta analisis data (ABCD), ketika Malaysia beralih kepada ekonomi digital dan syarikat mula menerima pakai Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0).

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir berkata, pembinaan kecekapan adalah kritikal kerana peralihan kepada perakaunan akruan dan meningkatkan pengurusan kewangan sektor awam, memerlukan latihan berteraskan kemahiran bagi akauntan profesional dan definisi yang lebih jelas tentang peranan dan kemahiran mereka

menerusi pelan hala tuju kecekapan.

“Ketika negara beralih ke arah ekonomi yang dipacu oleh teknologi, automasi dan inovasi, akauntan sektor awam seperti kerjaya lain, akan memerlukan kemahiran pemikiran yang lebih tinggi bagi melengkapkan mereka dengan peranan bukan rutin dan bernilai tinggi.

“Ia amat relevan kepada akauntan kerana mereka akan dapat memantapkan lagi kemahiran mereka dalam membuat keputusan, analisis dan menyelesaikan masalah dan komunikasi, disokong oleh integriti tanpa kompromi dan keraguan yang sihat,” katanya dalam ucap tama beliau pada Persidangan Pengurusan Kewangan Sektor Awam 2018, semalam.

LAMPIRAN 3
THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Readiness assessment criteria for industry 4.0 soon

By **DAVID TAN**
davidtan@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The International Trade and Industry Ministry (Miti) will introduce by the first quarter of 2019 the readiness assessment criteria for the migration of 500 small and medium enterprises (SMEs) to industry 4.0 platform.

Deputy International Trade and Industry Minister Ong Kian Ming

said Miti was now identifying 500 SMEs for migration in 2019.

He said a sum of RM210mil would be provided for the 500 SMEs to carry out the Readiness Assessment to migrate to industry 4.0 platforms via Malaysia Productivity Corp.

Ong added that another RM7.12bil had been allocated for various initiatives to support industry 4.0 and digitalisation.

"Companies not only need to

adopt automation and other smart technologies but also invest in their talent by retraining the workforce and undertake collaborations with the many training institutions that are already available in the country," Ong said.

He said this at a briefing after officiating a seminar on automation and industry 4.0 organised by Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF). Also present

was MIDF group managing director Datuk Charon Mokhzani.

Meanwhile, Charon said MIDF had approved 2,052 loans for companies operating in the northern region – Penang, Perak, Kedah and Perlis – amounting to RM2.55bil since its inception.

Since August 2018, MIDF has allocated RM150mil to finance SMEs looking to improve and expand their business, according to Charon.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 38
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Kilang perintis hidrogen Sarawak Energy siap 2019

Kilang perintis pengeluaran hidrogen dan stesen bahan bakar, Sarawak Energy Bhd, dijangka siap menjelang suku pertama tahun depan, serentak dengan ujian percubaan tiga bas dikuasakan bahan bakar hidrogen.

Dalam satu kenyataan, pembangun tenaga milik kerajaan negeri itu berkata, kemudahan berkenaan adalah pertama seumpamanya di Asia Tenggara untuk penyelidikan berkenaan daya maju komersial ekonomi hidrogen melalui pengeluaran, penyampaian, penyimpanan dan penggunaan bahan bakar terbabit.

"Kilang pengeluaran dan stesen bahan bakar itu adalah sebahagian daripada beberapa inisiatif dalam menghijaukan sektor pengangkutan melalui bahan bakar rendah karbon untuk Kuching," kata kenyataan itu.

Sebagai sebahagian usaha untuk meneroka ekonomi hidrogen, Sarawak Energy dan Shell MDS (Malaysia) Sdn Bhd (SMDS), menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menilai peluang potensi dalam teknologi pengeluaran hidrogen rendah kos melalui elektrolisis pada 7 Disember lalu.

MoU itu termasuk kajian dan pertukaran pengetahuan berkenaan teknologi pengeluaran hidrogen, pendidikan, formulasi amalan terbaik dan penilaian peluang untuk pensijilan hijau dalam pengeluaran hidrogen.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy, Datuk Sharbini Suhaili, berkata kerjasama berkenaan adalah pautan yang hilang dalam rangkaian nilai perniagaan tenaga boleh diperbaharui. **BERNAMA**

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 20
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Pelajar cipta alat tabur baja guna barang terpakai

Bota: Menyedari kesukaran menabur baja pada lubang plastik batas tanaman, sembilan pelajar tahap tiga Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Institut Pertanian Titi Gantong (IPTG) di sini, mencipta inovasi alat tabur baja menggunakan barang terpakai.

Ciptaan kreatif itu dihasilkan Muhammad Mujibur Rahman Ismail, Mohamad Amir Ramadhan Salleh, Muhammad Zul Fikri Mohd Sharif, Muhammad Alif Fikri Jusoh, Muhammad Ali Imran Nek Hawari, Anedh Suphin Prased, Muhammad Syafiq Ismail, Mohamad Izhar Amri Zakaria dan Mohamad Hafiz Md Saad, yang kesemua berusia 19 tahun dengan dibantu mentor, Kamarudin Atan, 38.

Muhammad Mujibur Rahman selaku ketua kumpulan itu berkata, peralatan dicipta itu memudahkan kerja membaja dalam skala kawasan besar, sekali gus mengurangkan tenaga pekerja dan menjimatkan masa.

"Alat tabur baja ini direka menggunakan barang terpakai seperti tong air, paip Polyvinyl Chloride (PVC) dan hos salutan air mesin

basuh dengan anggaran kos kurang RM10 sahaja.

"Ia memudahkan kerja kami kerana jika menggunakan kaedah manual mengambil masa, selain menyebabkan pinggang sakit akibat perlu membongkok agak lama kerana kami mempunyai 4,044 pokok timun dengan keluasan tanah 0.44 hektar," katanya di tapak tanaman di Kompleks Pertanian Titi Gantong, di sini, semalam.

Seminggu cipta alat

Muhammad Mujibur Rahman berkata, mereka mengambil masa seminggu untuk menyiapkan peralatan berkenaan dengan terpaksa mengubahsuai had kuantiti pengeluaran baja supaya ia selaras dengan keperluan tanaman iaitu 10 hingga 15 gram sahaja.

Sementara itu, Timbalan Pengarah IPTG, Rosni Hamad Rodzi, berkata pelajar terbabit adalah kumpulan pertama institut itu dalam SKM bidang tanaman dan projek tanaman itu melalui program MyAgrosis di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

[FOTO NOOR HIDAYAH TANZIZI /BH]



Sembilan pelajar Tahap Tiga IPTG, Bota menunjukkan alat tabur baja menggunakan barangan terpakai yang dicipta mereka.

LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN (SINAR SIASAT): MUKA SURAT 14
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)

Semua sampah pindah ke Ipoh

SIRI AKHIR

MDKL pastikan sampah diuruskan dengan sistematik

SEMUA pemilik kilang kitar semula sampah import yang masih lagi mempunyai sampah berkenaan dinasihatkan untuk merujuk Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi melupuskan sampah berkenaan secara lebih sistematik.

Tinjauan Wartawan Sinar Siasat ke daerah berkenaan telah membawa kepada penemuan beberapa lokasi pembuangan sampah haram import yang dilupuskan tidak mengikut sistem serta mampu memberi kesan kepada alam sekitar dan penduduk setempat.

Menurut Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid, lokasi pertama dimaklumkan oleh Wartawan Sinar Siasat di sebelah Sungai Langat di Kampung Bandar Lama telah disita dan kini dalam kerja-kerja pembersihan.

"Kita sita dan kita akan bersihkan longgokan sampah terlebih dahulu. Bahkan, kesemua 55 kilang haram termasuk kilang kitar semula sampah import yang beroperasi di sini telah dipotong bekalan air dan



Selepas tinjauan kali kedua, lokasi ini telah disita oleh MDKL.



MOHAMAD ZAIN

elektrik bagi memastikan kilang tidak beroperasi.

"Sebanyak 44 kompaun telah dikeluarkan dan tujuh kilang sahaja yang kita 'putihkan' dalam zon operasi sama iaitu kesemuanya perlu

mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum beroperasi," katanya.

Mohamad Zain berkata, aktiviti kilang haram dikesan ada di antaranya sudah beroperasi lebih lima tahun.

"Buat masa ini, kita baharu sahaja melantik satu operator sampah bertaualiah untuk tujuan pelupusan sampah dengan cara

lebih sistematik di Ipoh (Perak)," katanya tegas dan menolak ura-ura menyatakan sampah berkenaan kini dipindahkan secara haram ke beberapa lokasi di seluruh negara.

"Mana ada bawa ke PD (Port Dickson)... kita bawa ke Ipoh. Kita dah sita semua kilang dan sekiranya pemilik sampah haram mahu membawa keluar sampah mereka, mereka kena minta kebenaran kita (MDKL).

Menurutnya, langkah berkenaan adalah bagi memastikan ke mana sampah berkenaan akan dilupuskan dan adakah kaedah serta syarat pelupusan yang dipilih adalah dibenarkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Oleh itu, kita minta tuan-tuan kilang sampah import haram ini kalau nak lupuskan sampah mereka boleh rujuk kepada kita terlebih dahulu," katanya.



Lihatlah...begini keadaan longgokan sampah di sebuah lokasi tepi sungai.



Keadaan sampah plastik yang bercampur air.

Sungai Kuala Langat dicemari aluminium, besi

SUNGAI Kuala Langat dikesan mengalami pencemaran aluminium dan besi yang tinggi dipercayai berpunca daripada tempat pelupusan sampah plastik haram.

Jurucakap Greenpeace Malaysia, Heng Kiah Chun berkata, data pencemaran tersebut diperolehi daripada aktivis alam sekitar di Jenjarom dan berdasarkan laporan rasmi Jabatan Perikanan Malaysia.

"Aktivis tempatan memperoleh salinan laporan rasmi yang diterima melalui surat daripada Jabatan Perikanan mengenai kualiti air Sungai Kuala Langat yang dinilai awal tahun ini.

"Data menunjukkan kandungan aluminium dan besi yang mencurigakan dan tinggi di dalam sampel air yang diambil itu," katanya.

Menurutnya, sampel air itu juga diambil di lokasi yang berhampiran dengan rumah penduduk dan ia sekali gus akan mengancam persekitaran tetapi juga kesihatan penduduk.

Justeru, beliau mengharapkan agar pihak berkuasa menyiasat dan mengatasi kesan kesihatan dan alam sekitar yang berbahaya (udara, air dan pencemaran tanah) yang disebabkan oleh pembuangan sampah dan pembakaran sisa plastik yang tidak terkawal.

Unsur pencemaran dikesan di Sungai Kuala Langat

UNSUR	NILAI PENCEMARAN	HAD DITETAPKAN
Perak	0.007	0.05
Aluminium	22.9	0.05
Boron	0.001	1.0
Barium	0.02	1.0
Cadmium	0.004	-
Besi	13.7	1.0
Kromium	0.02	0.05

Sumber - Jabatan Perikanan Malaysia
Had ditetapkan oleh Water Environment Partnership Asia (WEPA)
Unsur pencemaran yang dikesan Sungai Kuala Langat



Antara kilang yang disita di Kuala Langat.

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 25
TARIKH: 11 DISEMBER 2018 (SELASA)



Norazlina (kiri) dan Amirudin menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Pengerusi Worldwide Holdings Berhad, Datuk Nor Azmie Diron (dua dari kiri) dengan Wu Bin di Shah Alam, semalam.

Kemudahan lupus sisa pepejal RM1b di Jeram

→ Worldwide Holdings sedia WTE terbesar, paling moden

Oleh Nurhayati Abillah dan Farah Adilla
bhbiz@nstp.com.my

Worldwide Holdings Bhd (Worldwide Holdings) peneraju utama perkhidmatan pengurusan alam sekitar, akan membangunkan kemudahan Waste-To-Energy (WTE) bernilai RM1 bilion di kawasan seluas enam hektar di Jeram, Selangor.

Pembangunan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal menyeluruh menggunakan teknologi WTE adalah sebahagian

daripada Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC), yang pada masa sama, bakal menjadi kemudahan WTE terbesar dan paling moden di Malaysia.

Projek itu juga dijangka akan mengurangkan penggunaan tanah bagi tapak pelupusan, selain menyokong aspirasi kerajaan untuk meningkatkan penjaan tenaga boleh diperbaharui sehingga 20 peratus menjelang 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datin Paduka Norazlina Zakaria, WTE adalah teknologi pengurusan sisa pepejal yang boleh mengubah sisa menjadi tenaga dalam bentuk tenaga elektrik.

"Ia teknologi yang terbukti untuk menggantikan kaedah pelupusan sampah konvensional menggunakan kawasan tanah yang luas.

Patuhi piawaian EU

Janakuasa WTE yang dibangunkan oleh Worldwide Holdings menangani semua aspek isu alam sekitar melalui teknik

rawatan moden dan berteknologi tinggi dalam mematuhi piawaian EU.

"Teknologi yang kami guna pakai mempunyai rekod prestasi cemerlang menggunakan ciri sisa pepejal yang sama di Malaysia. Sisa pepejal digunakan sebagai bahan bakar untuk memanaskan relau bagi menjana stim yang membolehkan turbin menghasilkan tenaga elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis memeterai perjanjian pembangunan bersama antara Worldwide Holdings dengan Western Power Clean Energy Sdn Bhd, iaitu syarikat usaha sama antara China Western Power Engineering & Construction Co Ltd dengan China Western Power International bagi membina kemudahan itu, di Shah Alam, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari serta Pengarah Urusan dan Naib Presiden, China Western Power Engineering & Construction, Wu Bin.

Bagi fasa pertama projek itu, ia membabitkan kos pembangu-

nan berjumlah RM500 juta dan dibiayai Worldwide Holdings, manakala kerajaan Selangor menyediakan peruntukan RM40 juta bagi pengambilan tanah.

Siap menjelang 2022

Norazlina berkata, fasa pertama loji WTE berkenaan akan siap untuk operasi komersial menjelang 2022, manakala fasa kedua disasarkan siap pada 2024.

"Kami turut mempunyai rancangan untuk membuka kemudahan sama di beberapa kawasan lain di Selangor iaitu di Tanjung 12, Kuala Langat dan Selayang" katanya.

Beliau berkata, setakat ini, syarikat menguruskan kira-kira 5,000 tan sisa buangan domestik sehari di Selangor di enam tapak pelupusan di negeri ini.

Dengan kapasiti sampah sebanyak 1,200 tan sehari, fasa pertama kemudahan itu bakal menghasilkan antara 20 hingga 24 megawatt (MW) tenaga hijau dan mampu membekalkan tenaga bagi 25,000 isi rumah di sekitar kawasan berkenaan.